

BAB 2

ANALISIS KONTRASTIF DAN ANALISIS KESILAPAN

Kajian komparatif dalam linguistik telah banyak dijalankan oleh ahli linguistik. Menurut Jacek Fisiak (1981:1) kajian komparatif boleh dibahagikan kepada 3 jenis, iaitu Linguistik Historis Komparatif (*Comparative Historical Linguistics*), Linguistik Tipologi Komparatif (*Comparative Typological Linguistics*) dan Analisis Kontrastif atau Kajian Kontrastif (*Constrastive Analysis*). Linguistik kontrastif (CL) dan analisis kontrastif (CA) merujuk kepada konsep yang sama.

Analisis kontrastif (CA) ialah satu cabang linguistik terapan yang meneliti persamaan dan perbezaan ciri-ciri linguistik di antara dua atau lebih daripada dua bahasa. Ciri-ciri linguistik tersebut meliputi ciri-ciri fonologi, morfologi, sintaksis dan sebagainya.

Jacek Fisiak (1981:1) mendefinisikan analisis kontrastif sebagai satu subdisiplin linguistik yang berkenaan dengan dua atau lebih bahasa untuk mengenal pasti persamaan dan perbezaan antara bahasa-bahasa tersebut. Beliau menyatakan bahawa:

“Constrastive linguistics may be roughly defined as a subdiscipline of linguistics concerned with the comparison of two or more languages or sub-systems of language in order to determine both the differences and similarities between them.” (J. Fisiak, 1981:1)

Ahli linguistik Carl James (1980:3) pula menyifatkan analisis kontrastif sebagai satu kegiatan linguistik yang bertujuan untuk menjalankan kegiatan kontrastif antara 2 jenis bahasa dengan andaian bahawa bahasa boleh dibandingkan. Definisi analisis kontrastif yang diberi oleh beliau adalah seperti berikut:

"Contrastive Analysis is a linguistics enterprise aimed at producing inverted (i.e. contrastive, not comparative) two-valued typologies (a CA is always concerned with a pair of languages), and founded on the assumption that languages can be compared." (C. James, 1980:3)

Dalam Kamus Linguistik analisis kontrastif didefinisikan sebagai satu kaedah analisis linguistik yang menunjukkan perbezaan dan persamaan antara 2 bahasa atau lebih. Analisis ini bertujuan mencari penyelesaian untuk masalah pengajaran bahasa dan penterjemahan. Definisi analisis kontrastif adalah seperti berikut:

"Kaedah sinkronik analisis linguistik yang menunjukkan perbezaan dan persamaan antara dua bahasa atau lebih, atau antara dua dialek atau lebih, dengan tujuan untuk mencari prinsip yang dapat menyelesaikan masalah pengajaran bahasa dan penterjemahan."

(Noresah Baharom , 1997:11)

Analisis kontrastif merupakan satu perbandingan ciri-ciri linguistik antara 2 atau lebih bahasa, yang bertujuan memberi maklumat kepada guru-guru dan penyunting buku teks dalam perancangan sukatan pelajaran, penyediaan bahan-bahan pengajaran dan perancangan teknik-teknik pengajaran di dalam bilik darjah.

2.1 Latar Belakang dan Andaian Analisis Kontrastif

Linguistik Kontrastif telah berakar umbi sejak tahun-tahun 40-an lagi. Menurut Jacek Fisiak(1981:3), walaupun istilah Linguistik Kontrastif pertama kali

wujud dalam artikel Whorf ‘Language and Logic’ (1941), namun Linguistik Kontrastif boleh disusul kembali ke akhir abad ke 19 dan awal abad 20. Penerbitan kajian pada peringkat pertama menumpukan perhatian kepada aspek teori (Grandgent, 1892; Victor, 1894; Passy, 1912; J. Baudoin de Courtenay 1912; Bogorodickij, 1915) namun aspek terapan juga tidak diabaikan. Kajian kontrastif yang berorientasikan teori ini kemudian diteruskan oleh V. Mathesius dan pengikutnya yang berasal daripada aliran Linguistik Prague.

Pada tahun 1945, Charles C. Fries menerbitkan sebuah buku yang berjudul *Teaching and Learning English as a Foreign Language*. Buku ini telah meluaskan dimensi pengajaran dan pembelajaran bahasa asing. Menurut Fries, bahan-bahan pengajaran dan pembelajaran yang paling berkesan ialah bahan yang dihasilkan berdasarkan perbandingan terperinci antara bahasa yang akan dipelajari dengan bahasa ibunda pelajar:

“...the most efficient materials are those that are based upon a scientific description of the language to be learned, carefully compared with a parallel description of the native language of the learner.” (Fries, 1945:9)

Fries juga menegaskan bahawa:

“...only with sound materials based upon an adequate descriptive analysis of both the language to be studied and the native language of the student (or with the continued express guidance of a trained linguist) can an adult make the maximum progress toward the satisfactory mastery of a foreign language.” (Fries, 1945:5)

Fries berpendapat dengan adanya bahan yang sesuai yang ditulis berdasarkan analisis pada penggambaran yang jelas dan mencukupi antara bahasa yang dipelajari dengan bahasa ibunda pelajar, barulah seseorang dewasa dapat mencapai kemajuan maksimum dalam menguasai bahasa asing.

Robert Lado dalam bukunya *Linguistics Across Cultures* telah menghuraikan prinsip-prinsip, cara-cara dan metodologi yang harus digunakan dalam analisis kontrastif secara sistematis. Beliau membuat andaian bahawa dengan membuat perbandingan secara sistematis antara bahasa dan kebudayaan yang akan dipelajari oleh pelajar dengan bahasa ibunda dan kebudayaan pelajar, kita dapat meramal dan menghuraikan bentuk yang akan menimbulkan kesukaran dalam pembelajaran.

Menurut Lado:

"The plan of the book rests on the assumption that we can predict and describe the patterns that will cause difficulty in learning, and those that will not cause difficulty, by comparing systematically the language and culture to be learned with the native language and culture of the student. In our view, the preparation of up-to-date pedagogical and experimental materials must be based on this kind of comparison." (Lado, 1957:vii)

Lado juga mengatakan bahawa:

"The teacher who has made a comparison of the foreign language with the native language of the students will know better what the real learning problems are and can better provide for teaching them. He gains an insight into the linguistic problems involved that cannot easily be achieved otherwise." (Lado 1957:2)

Guru yang melakukan perbandingan antara bahasa asing dan bahasa ibunda pelajar akan lebih mengetahui dan memahami masalah pembelajaran yang dihadapi oleh seseorang pelajar. Oleh itu guru dapat memberi pengajaran yang lebih berkesan kepada pelajar.

2.1.1 Versi Kuat dan Versi Lemah Analisis Kontrastif

Analisis kontrastif dengan kuasa meramal kemudiannya dikenali sebagai analisis kontrastif versi kuat. Versi kuat ini dikenali sebagai *Contrastive Analysis a*

priori. Zainab (1984:103) pernah meringkaskan andaian utama hipotesis analisis kontrastif seperti di bawah:

- i) Pembelajaran bahasa adalah soal pembentukan tabiat.
- ii) Pelajar yang mempelajari bahasa asing selalu memindah item, kategori dan struktur bahasa ibunda ke dalam bahasa sasaran. Tabiat lama mereka mungkin mengganggu usaha mereka mempelajari sesuatu bahasa yang baru.
- iii) Gangguan (atau pemindahan negatif) berlaku pada semua paras struktur linguistik (fonologi, morfologi, sintaksis, dan semantik). Gangguan ini akan menpengaruhi kemahiran produktif dan reseptif.
- iv) Perbandingan dua bahasa memperlihatkan perbezaan serta persamaan antara bahasa ibunda dan bahasa sasaran.
- v) Perbandingan sistematis bergantung kepada adanya huraian saintifik kedua-dua bahasa yang terlibat. Huraian ini mestilah berdasarkan kerangka teoritis yang sama.
- vi) Perbandingan keseluruhan dua bahasa adalah mustahil; kita hanya dapat membandingkan subsistem yang ada kesepadanannya.
- vii) Persamaan antara bahasa ibunda dan bahasa sasaran tidak akan menyebabkan masalah tetapi perbezaannya akan menimbulkan masalah. Usaha mempelajari bahasa di kalangan pelajar adalah keseluruhan perbezaan yang wujud dalam kedua-dua bahasa itu.
- viii) Berdasarkan perbezaan antara kedua-dua bahasa yang dikaji itu, analisis kontrastif dapat meramalkan kesulitan yang akan dihadapi oleh pelajar.
- ix) Kesulitan boleh disusun mengikut satu hierarki berdasarkan jurang perbezaan yang wujud di dalam kedua-dua sistem itu.

dapat diperhatikan. Ramalan tidak perlu dibuat dalam versi lemah. Versi lemah dilakukan dengan meneliti kesilapan pelajar. Daripada bukti kesilapan tersebut, persamaan dan perbezaan antara dua sistem bahasa dapat dihuraikan. Idea utama versi lemah yang diberi oleh Wardhaugh adalah seperti berikut:

“...The weak version requires of the linguist only that he uses the best linguistic knowledge available to him in order to account for observed difficulties in second language learning. It does not require what the strong version requires, the prediction of these difficulties and conversely, of those learning points which do not create any difficulties at all. It starts with the evidence provided by linguistic interference and uses such evidence to explain the similarities and differences between the systems.” (Wardhaugh, 1975:14-15)

Wardhaugh juga berpendapat bahawa versi lemah analisis kontrastif ini sering digunakan untuk menjelaskan fenomena kesilapan pelajar.

2.1.2 Kritikan Terhadap Analisis Kontrastif

Dakwaan analisis kontrastif tentang kuasa meramal yang menyatakan bahawa punca pelajar melakukan kesilapan dalam proses menguasai bahasa sasaran adalah kerana gangguan bahasa ibunda telah menerima banyak kritikan. Ini adalah kerana ramai ahli linguistik mendapati banyak kesilapan yang diramal dalam analisis kontrastif tidak dilakukan oleh pelajar. Manakala banyak kesilapan yang dilakukan oleh pelajar tidak diramalkan dalam analisis kontrastif.

Pit Corder dalam artikelnya yang berjudul *The Significance of Learners' Errors* telah mempersoalkan kuasa ramalan analisis kontrastif. Beliau menyatakan bahawa analisis kontrastif tidak memberi kesan yang mendalam kepada para guru kerana para guru telah mengetahui punca kesilapan pelajar melalui pengalaman

mereka. Lebih-lebih lagi para guru berpendapat bahawa analisis kontrastif tidak memberi sebarang maklumat baru kepada mereka. Mereka juga mendapati banyak kesilapan yang lazim dilakukan oleh pelajar tidak diramalkan dalam analisis kontrastif. Menurut Corder:

"Teachers have not always been very impressed by this contribution from the linguist for the reason that their practical experience has usually already shown them where these difficulties lie and they have not felt that the contribution of the linguist has provided them with any significantly new information. They noted for example that many of the errors with which they were familiar were not predicted by the linguist anyway." (Corder, 1981:5)

J.C. Richards telah meninjau persoalan yang sama dalam artikelnya *A Non-Contrastive Approach to Error Analysis* (1974:173-174). Beliau mendapati pelajar-pelajar yang berasal dari latar belakang linguistik yang berbeza contohnya penutur bahasa Jepun, Cina, Poland, Maori dan Malta telah melakukan kesilapan yang sama. Kesilapan-kesilapan ini tidak dapat dijelaskan menerusi gangguan bahasa ibunda. Menurut Richards kesilapan yang disebabkan oleh gangguan bahasa ibunda ialah kesilapan interlingual manakala kesilapan yang bukan disebabkan oleh gangguan bahasa ibunda dikenali sebagai kesilapan intralingual (*intralingual errors*) atau kesilapan developmental (*developmental errors*). Mengikut Richards (1974:174), kesilapan intralingual berlaku disebabkan oleh:

- i) Generalisasi melampau (*over-generalisation*)
- ii) Kejahilan tentang sekatan peraturan (*ignorance of rules restrictions*)
- iii) Penggunaan peraturan secara tidak sempurna (*incomplete application of rules*)

- iv) Membentuk hipotesis dengan konsep yang salah (*false concepts hypothesised*)

John H Schunmann dan Nancy Stenson dalam *New Frontiers in Second Language Learning* berpendapat bahawa satu masalah yang serius tentang analisis kontrastif ialah analisis kontrastif tidak melihat perbezaan dua bahasa itu secara mendalam. Bentuk yang cetek ini cuma dapat mendedahkan sedikit sifat sesuatu bahasa. Apabila dikaji dengan lebih mendalam, perbezaan dan persamaan yang ditemui antara dua bahasa itu kadang-kadang didapati tidak berkaitan atau tidak wujud. John H Schunmann dan Nancy Stenson menyatakan bahawa:

"A serious and oft-noted problem of most contrastive analysis is that they typically concentrate on superficial differences between languages; more recent developments in linguistic research, on the other hand, have indicated that surface form reveal little about the nature of language, and that more valid insight into language structure are to be found on a more abstract level, a level at which the differences and similarities discovered by contrastive analysis might prove to be irrelevant, or nonexistant."

(John H Schunmann dan Nancy Stenson, 1976:3)

Walau bagaimanapun, menurut John H Schunmann dan Nancy Stenson, usaha dalam analisis kontrastif yang gagal memenuhi tuntutan versi kuat kemudiannya telah memenuhi sedikit sebanyak tuntutan dalam versi lemah. Ini adalah kerana versi lemah mendekati masalah dengan cara yang bertentangan dengan versi kuat. Dalam versi lemah, data dikumpul dalam kelas, kemudian kesilapan pelajar akan dihuraikan berdasarkan perbezaan antara dua sistem linguistik dalam kedua-dua bahasa. Mereka menyatakan bahawa:

"The weak version approaches the problem from the opposite direction, taking the purpose of contrastive analysis to be the account of observed errors by starting with classroom data and using the differences between the two linguistic systems to explain the errors. Many contrastive analysis attempts which fail in their claim to meet the demands of the strong formulation do meet at least some of the demands of this latter version..."

(John H Schunmann dan Nancy Stenson, 1976:2)

Analisis kontrastif versi lemah dan analisis kesilapan mempunyai titik permulaan yang sama: kedua-duanya meninjau bahasa sasaran yang digunakan oleh pelajar. Namun cara penguraian data bagi analisis kontrastif versi lemah dan analisis kesilapan adalah berbeza. Analisis kontrastif versi lemah meneliti gangguan bahasa dari segi bahasa ibunda pelajar, manakala analisis kesilapan meneliti kesilapan pelajar dari segi penggunaan bahasa sasaran yang dibentuk oleh pelajar sendiri. John H Schunmann dan Nancy Stenson menyatakan bahawa:

"If we compare the weak form of contrastive analysis to error analysis, we find that in fact they both make their departure from the same point: the target language as the student speaks it. Both attempt to account for observed facts. Differences arise at the next step – how to account for the data observed. Contrastive analysis looks for points of interference from the student's native language, while what has been called error analysis considers errors only, in terms of the student's formulation of the target language system."

(John H Schunmann dan Nancy Stenson, 1976:3-4)

Analisis kontrastif versi lemah dan analisis kesilapan mengumpul kesilapan pelajar sebagai data. Analisis kontrastif versi lemah mengkaji kesilapan pelajar berdasarkan gangguan daripada bahasa ibunda pelajar manakala analisis kesilapan mengkaji kesilapan berdasarkan penggunaan bahasa sasaran. Seperti yang dicadangkan oleh John H Schunmann dan Nancy Stenson, analisis kontrastif versi lemah harus diambil kira sebagai satu aspek daripada analisis kesilapan:

"We therefore suggest that contrastive analysis in its weak form should be considered just one aspect of the larger area of error analysis."

(John H Schunmann dan Nancy Stenson, 1976:4)

2.2 Analisis Kesilapan

Analisis kesilapan merupakan kaedah untuk mengukur kemajuan pelajar dengan cara mencatat dan mengklasifikasikan kesilapan yang dilakukan dalam pembelajaran bahasa. Analisis kesilapan muncul sebagai satu disiplin baru yang mengkaji kesilapan bahasa akibat daripada kekecewaan ahli-ahli linguistik terhadap analisis konstrastif. Ini adalah kerana ahli-ahli linguistik mendapati banyak kesilapan yang dilakukan oleh pelajar tidak diramalkan dalam analisis kontrastif. Oleh itu, kuasa meramal yang ada pada analisis kontrastif diragui. Ahli-ahli linguistik juga mendapati kesilapan pelajar bukan disebabkan oleh pengaruh bahasa ibunda sahaja, terdapat kesilapan-kesilapan yang disebabkan oleh faktor-faktor lain.

Richards (1974) mendapati bahawa bukan semua masalah pembelajaran bahasa adalah disebabkan oleh gangguan bahasa ibunda. Corder (1981) dan Selinker (1974) pula mendapati pelajar bahasa kedua menggunakan bahasa dengan sistemnya sendiri yang sentiasa berubah dan berkembang.

Teori analisis kesilapan mula dibincangkan oleh Corder dalam artikelnya *The Significance Of Learners' Errors*. Pada pendapat beliau, aplikasi teori linguistik dan psikologi dalam kajian pembelajaran bahasa telah menambah satu dimensi baru kepada perbincangan tentang kesilapan. Kesilapan dipercayai boleh diterangkan,

iaitu kesilapan ialah hasil gangguan dalam pembelajaran bahasa kedua yang disebabkan oleh tabiat dalam bahasa pertama. Menurut Corder:

"It is of course true that the application of linguistic and psychological theory to the study of language learning added a new dimension to the discussion of errors; people now believed they had a principled means for accounting for these errors, namely that they were the result of interference in the learning of a second language from the habits of the first language." (Corder, 1981:5)

Analisis kesilapan telah muncul sebagai teori dan kaedah yang penting dalam pedagogi bahasa dan kajian dalam pembelajaran bahasa. Strevens menyatakan bahawa analisis kesilapan bukan sahaja menjadi teknik yang memudahkan perbandingan antara dua bahasa, bahkan telah menjadi sumber maklumat tentang kemajuan pelajar dalam mencapai kecekapan dalam pembelajaran bahasa kedua. Analisis kesilapan juga menjadi komponen penting dalam mencari teori pembelajaran bahasa serta teori bahasa. Menurut Strevens:

"...error analysis has suddenly found a new importance, and from being mainly a technique for short-circuiting the practical difficulty of bilingual comparison [i.e.: CA] it has suddenly become a vital source of information about the progress of a learner towards his eventual competence in the language, and a crucial component in our search for adequate theories of language learning and language."

(dipetik daripada Bebout, Linda Joyce, 1974:11)

Corder juga berpendapat bahawa melakukan kesilapan merupakan satu cara yang digunakan oleh pelajar untuk mempelajari sesuatu bahasa. Ini adalah satu cara bagi pelajar menguji hipotesis tentang ciri-ciri sesuatu bahasa yang sedang dipelajari. Kesilapan yang dilakukan menunjukkan strategi pembelajaran dalam bahasa ibunda atau bahasa kedua. Menurut beliau:

"...we can regard the making of errors as a device the learner uses in order to learn. It is a way the learner has of testing his hypotheses about the nature of the language he is learning. The making of errors then is a strategy employed both by children acquiring their mother tongue and by those learning a second language." (Corder, 1981:11)

Corder berpendapat bahawa kesilapan pelajar bukan tanda halangan tetapi ialah bukti strategi pembelajaran mereka. Corder menyatakan bahawa:

"...errors are not to be regarded as signs of inhibition, but simply as evidence of his strategies of learning." (Corder, 1981:12)

Dalam proses pembelajaran bahasa kedua, pelajar akan melakukan kesilapan sebelum dia menguasai seluruh sistem bahasa kedua. Kesilapan yang dilakukan menunjukkan bahawa pelajar menggunakan sistem bahasa yang tersendiri dalam proses pembelajaran bahasa kedua. Corder menamakan sistem perantaraan ini sebagai 'kecekapan transisional' (*transitional competence*). Beliau menyatakan bahawa:

"It would be quite unreasonable to expect the learner of a second language not to exhibit such slips of the tongue (or pen), since he is subject to similar external and internal conditions when performing in his first or second language. We must therefore make a distinction between those errors which are the product of such chance circumstances and those which reveal his underlying knowledge of the language to date, or as we may call it his transitional competence." (Corder, 1981:10)

Richards (1974) menyatakan bahawa analisis kesilapan lebih berkesan dalam menerangkan pembelajaran bahasa kedua. Melalui analisis kesilapan, kesilapan-kesilapan pelajar dapat dikumpul, diklasifikasi dan dianalisis. Richards berpendapat bahawa gangguan daripada bahasa ibunda merupakan masalah utama dalam pembelajaran bahasa kedua. Namun terdapat banyak kesilapan yang

berpunca daripada penggunaan strategi pembelajaran dan juga gangguan yang berlaku antara unsur-unsur bahasa sasaran itu. Menurut Richards:

"Interference from the mother tongue is clearly a major source of difficulty in second language learning, and contrastive analysis has proved valuable in locating areas of interlanguage interference. Many errors, however, derive from the strategies employed by the learner in language acquisition, and from the mutual interference of items within the target language." (Richards, 1974: 182)

S. N. Sridhar menyatakan bahawa analisis kesilapan mempunyai tujuan pedagogi yang pragmatik:

"...error analysis was conceived and performed for its 'feedback' value in designing pedagogical materials and strategies, by identifying the areas of difficulty for the learner, could help in (i) determining the sequence of presentation of target items in textbook and classroom, with the difficult items following the easier ones; (ii) deciding the relative degree of emphasis, explanation and practice required in putting across various items in the target language; (iii) devising remedial lessons and exercises; and finally; (iv) selecting items for testing the learner's proficiency."

(S. N. Sridhar, 1981:221-222)

Maklum balas daripada analisis kesilapan dapat digunakan untuk merancang bahan dan strategi pengajaran bahasa kedua. Kesukaran yang dihadapi oleh pelajar dalam pembelajaran bahasa kedua yang dikenalpasti melalui analisis kesilapan dapat digunakan untuk menentukan urutan isi kandungan bahasa kedua yang akan diajar dalam kelas iaitu bermula dengan bahagian isi kandungan yang paling mudah kepada isi kandungan yang paling sukar. Kesukaran itu juga akan menentukan penekanan, penerangan dan latihan yang diperlukan untuk pengajaran isi kandungan tersebut. Punca-punca kesilapan yang dikenalpasti dapat juga digunakan untuk merancang kelas pemulihan dan latihan-latihan yang sesuai untuk tujuan pemulihan.

Menurut Corder (1981:10-11), kesilapan yang dilakukan oleh pelajar adalah penting kepada pengajar, penyelidik dan pelajar. Melalui kesilapan pelajar, pengajar dapat mengesan sejauh mana pelajar menguasai pembelajarannya dan apa lagi yang perlu dipelajarinya. Kesilapan pelajar juga penting kepada penyelidik kerana kesilapan pelajar dapat memberi maklumat tentang cara sesuatu bahasa dipelajari dan strategi yang digunakan semasa meneroka bahasa tersebut. Kesilapan juga penting kepada pelajar kerana kesilapan berfungsi sebagai maklum balas ke atas hipotesis atau kaedah yang diujinya. Berdasarkan maklumat ini, pelajar dapat menguji semula kaedah yang digunakannya.

2.3 Analisis Kesilapan Sebagai Pelengkap Kepada Analisis Konstrastif

Walaupun tuntutan dan andaian dalam analisis kontrastif mendapat kritikan dan terdapat ahli linguistik seperti Corder yang mencadangkan penggunaan analisis kesilapan untuk menggantikan analisis kontrastif, tetapi analisis konstrastif tetap memainkan peranan penting dalam metodologi pengajaran bahasa kedua atau bahasa asing.

Kari Sajavaara dalam artikelnya *Constrastive Linguistics Past and Present and A Communicative Approach* menyatakan bahawa walaupun ada tanggapan yang mengatakan analisis konstrastif harus digantikan dengan analisis kesilapan atau menjadi subordinat kepada analisis kesilapan, tetapi sebenarnya analisis kontrastif dan analisis kesilapan merupakan cara yang mempunyai tujuan dan sasaran yang sama, iaitu melihat masalah yang berkaitan dengan bahasa pelajar. Menurut Kari Sajavaara:

"In many cases, error analysis was offered as aid in the methodological crisis of contrastive analysis: it was considered either as a replacement for contrastive analysis or as a primary level of analysis to which contrastive analysis was to be subordinated. Yet many proponents of error analysis failed to see that applied contrastive analysis and error analysis are both methods whose target is one and the same: the problems connected with the learner's language." (Kari Sajavaara, 1981: 45)

Menurut Jacek Fisiak, bukan semua kesilapan disebabkan oleh faktor gangguan. Faktor psikologi, faktor pedagogi dan faktor luar linguistik juga menyebabkan berlakunya kesilapan. Oleh itu, analisis kesilapan sebagai sebahagian daripada linguistik terapan tidak boleh menggantikan analisis kontrastif tetapi hanya melengkapinya. Jacek Fisiak menyatakan bahawa:

"Not all errors are the result of interference. Psychological and pedagogical, as well as other extralinguistic factors contribute to the formation of errors; therefore error analysis as part of applied linguistic cannot replace contrastive studies but only supplement them." (Jacek Fisiak, 1981:7)

Essien juga berpendapat bahawa analisis kesilapan harus dijadikan pelengkap kepada analisis kontrastif. Menurut Essien:

"It is commonly recognized by language teachers that not every linguistic contrast should be expected to cause the same amount of learning difficulty. Attempts to account for this phenomenon have been made mainly through error analysis. And it is quite legitimate that predictions of contrastive analysis should be verified by error analysis. Where error analysis could help us improve the predictions of contrastive analysis, it could be regarded as supplementing contrastive analysis rather than being opposed to it, or being an alternative to it as suggested by Corder (1967)." (Essien, 1978: 66)

Setiap unsur kontras dalam linguistik akan menimbulkan kesukaran yang berbeza kepada pelajar yang berlainan. Ramalan-ramalan yang dibuat dalam analisis kontrastif harus dikenalpasti melalui analisis kesilapan. Menurut Essien, analisis

kesilapan harus dilihat sebagai pelengkap kepada analisis kontrastif dan bukan bertentangan dengan analisis kontrastif. Analisis kesilapan juga bukan alternatif kepada analisis kontrastif seperti yang dicadangkan oleh Corder (1967).

2.4 Tinjauan Terhadap Kajian Yang Berkaitan

Pada tahun 1974, Lin, Lilly Jai-hsyia dalam latihan ilmiah beliau yang berjudul *Penjodoh Bilangan dan Kata-kata Ukuran Bahasa Melayu dan Bahasa Cina: Satu Perbandingan* telah mengkaji penjodoh bilangan dan penggunaannya dalam kedua-dua bahasa Melayu dan bahasa Cina. Pada tahun 1997 pula, Lye Yeow Mooi telah menghasilkan sebuah latihan ilmiah yang bertajuk *Penjodoh Bilangan dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Cina: Satu Perbandingan*. Tujuan kajian beliau hampir sama dengan kajian Lin, iaitu meneliti perbezaan penggunaan penjodoh bilangan antara bahasa Melayu dan bahasa Cina. Menurut Lye, perbezaan penggunaan penjodoh bilangan antara bahasa Melayu dan bahasa Cina adalah disebabkan persepsi masyarakat Melayu dan Cina yang berbeza.

Pada tahun 1984, Choi Kim Yok dalam disertasi Ijazah Pengajian Tinggi beliau yang bertajuk *Les Problèmes D' Apprentissage Du Malais Pour Les Malaisiens D' Origine Chinoise: Système Phonetique et Phonologique (Masalah Pembelajaran Bahasa Melayu di Kalangan Orang Cina di Malaysia: Sistem-sistem Fonetik dan Fonologi)* pula mengkaji masalah pembelajaran bahasa Melayu di kalangan orang Cina di Malaysia berdasarkan analisis kontrastif.

Pada tahun 1993, Choong Kee Foong telah menulis sebuah disertasi untuk ijazah Sarjana Pengajian Bahasa Modennya yang berjudul *Analisis Kesilapan Penggunaan Imbuhan Kata Kerja dalam Bahasa Melayu di kalangan Pelajar Cina*. Beliau telah meneliti punca pelajar melakukan kesilapan dalam kata kerja bahasa Melayu dan mengemukakan cadangan untuk meningkatkan penguasaan pelajar dalam kata kerja.

Pada tahun 1996, Soh Bee Kwee telah menghasilkan sebuah disertasi yang berjudul *Frasa Nama Bahasa Melayu dan Bahasa Mandarin: Satu Analisis Kontrastif dan Analisis Kesilapan*. Kajian kontrastif ini disusuli dengan satu analisis kesilapan untuk menguji dan mengesahkan segala ramalan masalah dan kesilapan yang dianggap mungkin timbul di kalangan pelajar Melayu. Cara sedemikian membolehkan kita mengenal pasti sama ada kesilapan yang berlaku dalam bahasa sasaran semata-mata berpunca daripada gangguan bahasa ibunda atau faktor-faktor lain.

Pada tahun 1997, Saw Kin Lee telah mengkaji jenis-jenis kesilapan sintaksis yang dilakukan oleh pelajar dewasa Melayu dalam pembelajaran bahasa Mandarin. Disertasi beliau berjudul *Kesilapan Sintaksis dalam Pembelajaran Bahasa Mandarin di kalangan Dewasa Melayu*. Sebab-musabab yang berkait dengan kewujudan kesilapan tersebut dicatatkan dan diperihalkan berdasarkan analisis kesilapan.

Pada tahun 1999, Chia Teh Heng telah menghasilkan sebuah disertasi yang berjudul *Ayat Tanya Dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Cina: Satu Analisis*

Kontrastif. Kajian beliau bertujuan meneliti persamaan dan perbezaan urutan kata dan unsur-unsur pembentukan ayat tanya di samping meramal kesulitan dan menentukan masalah gangguan yang dihadapi oleh pelajar Melayu semasa mempelajari bahasa Cina sebagai bahasa kedua atau bahasa asing.

Pada tahun 2001, Aini Binti Haji Aziz telah menghasilkan sebuah disertasi yang berjudul *Analisis Kontrastif Kata Bilangan dan Penjodoh Bilangan Di Antara Bahasa Melayu dan Bahasa Jepun*. Tujuan kajian beliau adalah mengenal pasti kesilapan-kesilapan pada kata bilangan dan penjodoh bilangan bahasa Jepun yang dilakukan oleh pelajar-pelajar Melayu. Beliau juga meneliti faktor-faktor yang menyebabkan terjadinya kesilapan-kesilapan itu dan mencadangkan beberapa langkah sebagai penyelesaian kepada masalah itu.